

TAHAP PENGUASAAN TATABAHASA BAHASA MELAYU PELAJAR SEBELUM KE MENARA GADING

Abdul Rashid Daing Melebek
(Malaysia)

Abstrak

Penyelidikan ini dijalankan untuk mengetahui tahap penguasaan pelajar dalam bidang tatabahasa bahasa Melayu di sekolah menengah atas yang merupakan tahap terakhir sebelum mereka melangkah ke menara gading. Selain itu, penyelidikan ini juga bertujuan untuk melihat perbezaan penguasaan aspek-aspek tatabahasa bahasa Melayu pelajar berdasarkan jantina, ras, latar belakang sosioekonomi dan latar belakang tempat tinggal mereka serta aspek yang sering mengelirukan dan ketidakpastian memilih perkataan yang tepat dari segi semantik, ejaan dan sebagainya dengan cadangan pemilihan kata yang betul, tepat dan gramatis dalam penulisan karangan. Hasil kajian juga mendapati bahawa purata pencapaian pelajar dalam Ujian Tatabahasa bahasa Melayu sekadar B dan B+ sahaja.

Latar Belakang Kajian

Pengajaran dan pemelajaran bahasa Melayu di sekolah menengah adalah bertujuan untuk membolehkan pelajar menguasai kecekapan berbahasa setaraf dengan peringkat intelek pelajar di peringkat tinggi dan memupuk daya pengembangan berbahasa bagi kepentingan pendidikan tinggi dan pekerjaan (KPM, 1989:1). Selain itu, pelajar juga akan dapat mencapai pemahaman tentang sistem bahasa, unsur dan nilai yang didukungnya, kecekapan berkomunikasi, melahirkan fikiran dan perasaan, kreatif melalui lisan dan penulisan, dan sebagainya.

Walaupun penggunaan bahasa Melayu begitu meluas di dalam dan di luar bilik darjah, tetapi laporan Lembaga Peperiksaan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menunjukkan bahawa penguasaan bahasa Melayu pelajar masih belum mencapai tahap yang dikehendaki. Kemerosotan pencapaian pelajar dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dikaitkan dengan kemerosotan pelajar menguasai mata pelajaran ini (Omar Mohd Hashim, 1978:460–461). Kemerosotan

prestasi pelajar ini dikatakan berpunca daripada kesalahan bahasa dalam aspek kemahiran lisan dan penulisan (Hamdan Abdul Rahman, 1980). Kelemahan pelajar dalam aspek tulisan pula banyak berkisar pada masalah penguasaan ejaan hingga pada masalah penguasaan morfologi dan sintaksis (Awang Sariyan, 1980). Dalam hal ini, penyelidik mendapati bahasa permasalahan yang dinyatakan tadi masih berlaku dan terus berlaku sejak dahulu hingga kini. Penyelidik mendapati bahawa pelajar yang mengikuti Program Bachelo Bahasa dan Linguistik Melayu di Universiti Putra Malaysia (UPM) semester pertama masih berasa keliru dan tidak pasti untuk memilih dan menggunakan perkataan dan ayat yang betul dan gramatis dalam penulisan mereka. Oleh itu, suatu penyelidikan yang menyeluruh dan sistematik harus dijalankan bukan sahaja dalam kalangan pelajar prauniversiti, malahan kalangan guru yang sedang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu juga tidak dikecualikan.

Tatacara Kajian

Kajian ini dijalankan di 10 buah sekolah di seluruh Malaysia kecuali Pulau Pinang (sekolah yang dihubungi lambat memberikan jawapan penerimaan). Sekolah ini dipilih secara rawak, iaitu sebuah sekolah dalam sebuah negeri yang mempunyai pelajar Tingkatan Enam Atas. Walau bagaimanapun, kedudukan sesebuah sekolah itu haruslah dilihat sama ada berada dalam lokasi bandar atau desa, mempunyai pelajar pelbagai ras, jantina lelaki dan perempuan serta pelbagai latar belakang tempat tinggal.

Semua sampel kajian diminta menjawab soal selidik selama lebih kurang 10 minit dan menulis karangan yang panjangnya 300 patah kata selama satu jam. Karangan pelajar dikumpulkan untuk dianalisis tentang kesalahan bahasa dalam aspek ejaan, tanda baca, imbuhan, morfologi, frasa, klausa, ayat, dan semantik.

Responden Kajian

Responden kajian ialah sebanyak 445 orang pelajar Tingkatan Enam Atas yang terdiri daripada 178 (40%) lelaki dan 267 (60%) perempuan. Dari segi latar belakang, mereka dibahagikan pada dua kategori, iaitu pelajar bandar sebanyak 218 (49%) orang dan 227 (51%) pelajar luar bandar seperti Jadual 1 di bawah tajuk tempat kajian yang berikut:

Tempat Kajian

Bil.	Nama Sekolah	Bandar /Luar Bandar	Pelajar Lelaki	Pelajar Perempuan	Jumlah
1.	Sekolah Menengah Seri A, Jitra, Kedah.	Bandar	17	20	37
2.	Sekolah Menengah B, Kangar, Perlis.	Bandar	15	22	37
3.	Sekolah Menengah C, Ipoh, Perak.	Bandar	13	24	37
4.	Sekolah Menengah D, Jalan Haji Openg, Kuching, Sarawak.	Bandar	16	21	37
5.	Sekolah E, Bandar Hilir, Melaka.	Bandar	15	20	35
6.	Sekolah Menengah F, Wilayah Persekutuan Putrajaya.	Bandar	14	21	35
7.	Sekolah G, Kajang, Selangor.	Luar Bandar	16	22	38
8.	Sekolah Menengah H, Kulai, Johor.	Luar Bandar	15	23	38
9.	Sekolah Menengah I, Negeri Sembilan.	Luar Bandar	13	25	38
10.	Sekolah Menengah Kebangsaan J, Ajil, Terengganu.	Luar Bandar	14	24	38
11.	Sekolah Menengah Kebangsaan K, Machang, Kelantan.	Luar Bandar	15	22	37
12.	Sekolah Menengah L, Beauford, Sabah.	Luar Bandar	17	21	38
Jumlah		12	178	267	445

Jadual 1 Lokasi Sekolah dan Jumlah Responden.

Kajian tentang penguasaan tatabahasa bahasa Melayu pelajar Tingkatan Enam Atas sebelum ke menara gading dijalankan di seluruh negara dengan menamakan sekolah secara random seperti yang berikut:

Dapatan Kajian

Sebanyak 445 buah karangan sepanjang 300 patah kata setiap satu dianalisis berdasarkan kesalahan aspek tatabahasa. Karangan yang mengandungi 133 500 patah kata oleh semua responden ini telah dikesan mempunyai 2708 kesalahan bahasa yang dilakukan oleh responden seperti yang berikut:

Aspek Tatabahasa	Kekerapan	Perindividu
Ejaan	589	1.4
Imbuhan	497	1.2
Morfologi	645	1.6
Frasa	489	1.2
Sintaksis	149	0.4
Semantik	6	0.01
Tanda Bacaan	102	0.2
Huruf Besar	231	0.6
Jumlah	2708	6.41

Jadual 2 Kekerapan Kesalahan Tatabahasa Pelajar.

Berdasarkan Jadual 2, kesalahan morfologi paling banyak dilakukan oleh pelajar, iaitu 645 diikuti ejaan 589, imbuhan 497, dan frasa 489. Kesalahan penggunaan huruf besar juga

tinggi, iaitu 231, sintaksis 149 dan tanda bacaan sebanyak 102 kesalahan. Dalam kajian ini, sebanyak enam kesalahan sahaja yang dilakukan oleh pelajar dalam aspek semantik.

Pecahan kesalahan tatabahasa berdasarkan jantina menunjukkan bahawa pelajar lelaki melakukan sebanyak 1033 kesalahan berbanding dengan pelajar perempuan sebanyak 1675. Walau bagaimanapun, purata kesalahan yang dilakukan berdasarkan individu menunjukkan bahawa 7.1 kesalahan oleh pelajar lelaki berbanding dengan perempuan sebanyak 6.2 sahaja.

Aspek tatabahasa	Lelaki	Perempuan
Ejaan	249	340
Imbuhan	211	286
Morfologi	266	379
Frasa	150	339
Sintaksis	44	105
Semantik	6	0
Tanda Bacaan	37	65
Huruf Besar	70	161
Jumlah	1033	1675
Jumlah Besar	2708	3350

Jadual 3 Kesalahan Tatabahasa Pelajar Berdasarkan Jantina.

Aspek tatabahasa	Melayu	Cina	India
Ejaan	420	92	77
Imbuhan	343	113	41
Morfologi	369	215	61
Frasa	272	159	58
Sintaksis	102	46	1
Semantik	0	6	0
Tanda Bacaan	0	61	41
Huruf Besar	108	108	15
Jumlah	1614	800	294
Jumlah Besar	2708	1600	588

Jadual 4 Kesalahan Tatabahasa Pelajar Berdasarkan Ras.

Aspek tatabahasa	Rendah	Sederhana	Tinggi
Ejaan	202	210	177
Imbuhan	179	170	148
Morfologi	318	225	102
Frasa	241	167	80
Sintaksis	77	47	25
Semantik	6	0	0
Tanda Bacaan	38	34	30
Huruf Besar	118	74	39
Jumlah	1180	927	601
Jumlah Besar	2708	1854	1202

Jadual 5 Kesalahan Tatabahasa Pelajar Berdasarkan tahap SSE.

Aspek tatabahasa	Bandar	Luar Bandar
Ejaan	398	191
Imbuhan	299	198
Morfologi	116	529
Frasa	115	374
Sintaksis	40	109
Semantik	0	6
Tanda Bacaan	48	54
Huruf Besar	185	46
Jumlah	1201	1507
Jumlah Besar	2708	3014

Jadual 6 Kesalahan Tatabahasa Pelajar Berdasarkan Latar Belakang Tempat Tinggal.

Ujian Tatabahasa Bahasa Melayu

Semua responden dikehendaki menduduki ujian tatabahasa bahasa Melayu, iaitu menjawab soalan objektif sebanyak 60 soalan dalam masa satu jam. Analisis jawapan pelajar yang ditanda dengan menggunakan komputer adalah seperti yang berikut:

Bil.	Nama Sekolah	Bandar/ Luar Bandar	Pelajar Lelaki	Pelajar Perempuan	Jumlah	Peratus Ujian
1.	Sekolah Menengah A, Jitra, Kedah.	Bandar	17	20	37	72
2.	Sekolah Menengah B, Kangar, Perlis.	Bandar	15	22	37	70
3.	Sekolah Menengah C, Ipoh, Perak.	Bandar	13	24	37	71
4.	Sekolah Menengah D, Jalan Haji Openg, Kuching, Sarawak.	Bandar	16	21	37	68
5.	Sekolah E, Bandar Hilir, Melaka.	Bandar	15	20	35	72
6.	Sekolah Menengah F, Wilayah Persekutuan Putrajaya.	Bandar	14	21	35	76
7.	Sekolah G, Kajang, Selangor.	Luar Bandar	16	22	38	68
8.	Sekolah Menengah H, Kulai, Johor.	Luar Bandar	15	23	38	66
9.	Sekolah Menengah I, Negeri Sembilan.	Luar Bandar	13	25	38	69
10.	Sekolah Menengah Kebangsaan, J, Ajil, Terengganu.	Luar Bandar	14	24	38	67
11.	Sekolah Menengah Kebangsaan K, Machang, Kelantan.	Luar Bandar	15	22	37	68
12.	Sekolah Menengah L, Beauford, Sabah.	Luar Bandar	17	21	38	67
Jumlah		12	178	267	445	69%

Jadual 7 Tempat Kajian, Sampel Kajian dan Peratus Markah Pelajar.

Berdasarkan ujian tatabahasa bahasa Melayu yang telah diduduki oleh 445 orang pelajar, didapati tiada sebuah sekolah pun yang memperoleh markah purata A, iaitu melebihi 80%. Pada keseluruhannya, purata markah pelajar sekolah bandar ialah 71%, iaitu B+ manakala purata markah pelajar luar bandar ialah 67%, bersamaan dengan B, manakala purata markah pada keseluruhannya ialah sebanyak 69% sahaja yang bersamaan dengan B atau hampir B+. Hal ini amat menyedihkan kerana penyelidikan yang dijalankan secara menyeluruh mendapati bahawa pelajar-pelajar kita rata-rata memperoleh markah B dan B+ sahaja dalam ujian tatabahasa bahasa Melayu. Penguasaan tatabahasa bahasa Melayu pelajar ini dianggap menggambarkan penguasaan mereka yang sebenar sebelum melangkah ke menara gading dan fenomena ini juga akan berlanjutan di universiti, iaitu tempat mereka belajar dan berkemungkinan terbawa-bawa ke alam pekerjaan kelak sekiranya mereka tidak berusaha untuk mengatasi masalah tersebut semasa menjadi mahasiswa.

Hal yang sering membelenggu pelajar dalam penulisan karangan mereka dan juga pelajar-pelajar yang telah mengikuti program ijazah Bahasa dan Linguistik Melayu di UPM ialah tentang kekeliruan dan ketidakpastian tentang pemilihan kata dan pembinaan ayat yang tepat dan berkesan yang telah dikumpulkan seperti yang berikut:

1. Bagi ... untuk

Bagi merupakan untuk daripada pihak ... atau untuk sebagai ... contohnya

“Bagi kami, keputusan itu sangat penting ...”

Untuk merupakan sesuatu yang ditentukan, dijadikan atau disediakan bagi ...

contohnya **“Ruang untuk bekerja di situ agak sempit ...”** **“Cadangan itu**

bertujuan untuk ...”

2. Terlibat ... terbabit

Terlibat (positif) ... contoh, **“Ibu bapa yang terlibat dalam kegiatan sekolah akan menerima ganjaran ...”**

Terbabit (negatif) **“Setelah lima tahun terbabit dalam kegiatan lumba haram itu, maka ...”**

3. Objektif ... tujuan

Objektif (jangka pendek atau serta-merta). Contoh, **“Pada akhir kursus ini, peserta dapat ... seperti yang digariskan dalam objektif program”**.

Tujuan (jangka panjang) ... Contoh, **“Pengetahuan yang diperoleh dalam bengkel pertanian itu bertujuan untuk melahirkan petani moden pada masa akan datang”**.

4. Baru ... baharu

Baru (rujukan masa). Contoh, **“Dia baru keluar!”**

Baharu (rujukan kata sifat atau adjektif). Contoh, **“Baju baharunya berwarna biru”**.

5. lalah ... adalah

lalah merupakan kata penghubung yang menerangkan kata atau ayat yang di depan.

Kata penghubung yang mendahului ayat yang menyatakan sebab (terjadinya sesuatu).

Kata yang menjadi pemerihal atau perangkai antara subjek dengan frasa utama bagi predikat sesuatu ayat, contoh **“Jumlah kematian yang disahkan ... 8 orang”**.

Digunakan untuk menghubungkan sesuatu yang diperkatakan dengan huraian dan penjelasan yang tentangnya.

Adalah membawa maksud sesungguhnya, contoh **“Adalah menjadi tanggungjawab ibu bapa ...”**

6. **Tentang ... mengenai**

Tentang merupakan hal atau perkara, contoh **“Pada masa ini banyak orang bercakap tentang hal-hal duniawi berbanding dengan ...”**

Mengenai merupakan sesuatu yang kena pada matlamat atau sasaran, contoh **“Tembakan itu mengenai sasarannya”.**

Boleh digantikan ... berkenaan dengan ...

7. **Banyak ... ramai**

Banyak merupakan bilangan atau jumlah, contoh **“Banyak orang yang mempunyai cita-cita untuk menjadi kaya”.**

Ramai menunjukkan sesuatu yang umum, keadaan atau suasana, contoh **“Hidangan itu telah menjadi kegemaran ramai”.**

8. **Pedalaman ... pendalaman**

Pedalaman merupakan kata adjektif yang menunjukkan kawasan atau tempat yang terletak jauh dan terpencil, contoh **“Banyak pelajar yang tinggal di kawasan pedalaman mundur dalam pelajaran”.**

Pendalaman merupakan kata kerja yang membawa maksud menjadikan dasar sesuatu itu lebih dalam, contoh **“Pendalaman dasar Sungai Kelang sedang giat dijalankan oleh JPS negeri Selangor”.**

9. Terhadap

Berkaitan, berkenaan atau tentang seseorang.

10. Kesalahan menggunakan kata dalam bentuk jamak

Seluruh rakyat berada dalam kegelapan ...

Mereka semua adalah pensyarah ...

Dua buah kedai-kedai makanan telah musnah dijilat api ...

Semua penuntut-penuntut yang terlibat ...

Tiap-tiap wilayah-wilayah yang bergolak ...

Sekumpulan penyelidik-penyelidik dari barat telah ...

Beribu-ribu askar-askar Iraq telah mengalami ...

Sekalian hulubalang-hulubalang istana diminta ...

Pelbagai barang-barang yang dijumpai itu ...

Para cerdik pandai-cerdik pandai Islam akan berhimpun ...

11. Kesalahan menggunakan kata depan

... daripada Kuala Lumpur

... dari sepupunya di Sabah

... di akhir persembahan ini

... di waktu itu

... di masa ini

... di zaman silam

... hingga kepada hari besok

... diserahkan ke Bahagian Penguatkuasaan

... dihempaskan kepada batu

... balik kampung

... benci orang itu

... takut hantu

... mengetahui perkara itu

12. Kesalahan etimologi (cabang ilmu linguistik yang mengkaji asal-usul dan perkembangan sesuatu bahasa):

a. kesalahan bentuk kata

b. kesalahan makna

a. Kesalahan bentuk kata

Istirehat	istirahat
mentera	mantera
margastua	mergastua
pengkalan	pangkalan

b. Kesalahan makna

apa	siapa
bila	apabila
banyak	ramai
golongan	gulungan
pedalaman	pendalaman
pendapat	pendapatan
penutup	penutupan

13. Hukum D-M

Banyak dipengaruhi oleh susunan kata dalam bahasa Inggeris. Contohnya:

Salah	Betul
Salmah Restoran	Restoren Salmah
Cili Sos	Sos C ili
Lain-lain hal	Hal-hal lain
Lain perkataan	Perkataan lain
goreng pisang	Pisang goreng
Penghawa dingin	Pendingin hawa

14. Imbuhan dan makna

Me ... kan

- i. Kata dasarurus + imbuham apitan me ... kan → menguruskan
- ii. Kata dasarurus + imbuhan awalan meng → mengurus

Ayat:

- i. Wanita sekarang gemar mengamalkan pemakanan yang dapat **menguruskan** badan.
- ii. Belanja **mengurus** dalam belanjawan Negara Tahun 2008 telah meningkat sebanyak RM 1.5 billion.

15. Pada ... kepada

- i. Pasukan yang akan bertanding dalam peringkat akhir besok bergantung **pada** keputusan perlawanan malam ini.

Ayat yang salah:

- ii. Pasukan yang akan bertanding dalam peringkat akhir besok bergantung kepada keputusan perlawanan malam ini.

16. Kesalahan kata sendi

di kalangan ... dalam kalangan

Mereka tergolong **dalam kalangan** ilmuan Islam zaman silam.

17. Kesalahan ejaan

memperolehi	→	memperoleh
diperolehi	→	diperoleh

18. Imbuhan memper + kata adjektif

mempertingkatkan	→	mempertingkat
memperluaskan	→	memperluas
memperindahkan	→	memperindahkan

19. Imbuhan kata akar → kata dasar → hati

hati	→	perhati	→	memperhati (bukan memerhati)
------	---	---------	---	-------------------------------------

20. Kata majmuk

halatuju	→	hala tuju
urusetia	→	urus setia
tengahari	→	tengah hari
urusniaga	→	urus niaga
kenalpasti	→	kenal pasti

21. Imbuhan kata kerja tak transitif

perlantikan	→	pelantikan
pernyataan	→	penyataan
persejarahan	→	pensejarahan
mempastikan	→	memastikan
Pemerosesan	→	pemprosesan
Mengenengahkan	→	mengetengahkan
Kepimpinan	→	kepemimpinan
Pemberolehan	→	pemerolehan
Kata-kata Aluan	→	Kata Alu-aluan
Atas kekuasaanNya	→	Atas kekuasaan-Nya

Kesimpulan

Pada masa kini banyak pihak yang masih teragak-agak dan keliru untuk menggunakan perkataan yang sesuai dan betul dalam pertuturan dan penulisan menggunakan bahasa Melayu. Hal ini dapat diatasi dengan mudah sahaja sekiranya pengguna-pengguna tersebut mempunyai inisiatif dan keazaman untuk menyelesaikan permasalahan mereka dengan merujuk Kamus Dewan, buku Tatabahasa Dewan Edisi Baharu, atau mendapatkan nasihat daripada pakar-pakar bahasa, guru-guru bahasa dan sebagainya. Mantan Presiden Persatuan Linguistik Malaysia, Prof. Dr. Awang Sariyan sering mengingatkan para pengguna bahasa Melayu dengan slogannya "*Biasakan yang betul, betulkan yang biasa*" dalam sesi ceramahnya. Ini bermakna, para pengguna harus membiasakan penggunaan bahasa yang betul dan membetulkan segala kesalahan dan kesilapan bahasa yang sering dilakukan dalam pertuturan dan penulisan.

Berdasarkan hasil penyelidikan yang dinyatakan, penulis berharap agar dapat menjalankan satu lagi penyelidikan selepas ini sebagai lanjutan dengan mengkaji

penguasaan tatabahasa bahasa Melayu dalam kalangan guru-guru yang sedang mengajar mata pelajaran bahasa Melayu. Hal ini untuk melihat dan mengenal pasti aspek-aspek tatabahasa yang sering mengelirukan dan membuat mereka tidak pasti atau ragu membuat pilihan kata yang tepat dari segi semantik, wacana, dan sebagainya. Hal ini menjadi bertambah penting memandangkan penyelidikan yang telah dijalankan berabad-abad lamanya, sama ada di dalam mahupun di luar negara masih berhadapan dengan permasalahan yang sama. Oleh itu, suatu pendekatan yang padu, menyeluruh dan berkesan harus dijalankan terhadap semua pihak yang terlibat khususnya dalam kalangan pelajar dan pengajar.

Bibliografi

- Abdul Ghalib Yunus, 1994. "Apitan yang Sering Mengelirukan". *Pelita Bahasa*, Jld. 6, Bil. 11, Hal. 38-39.
- Abdul Hamid Mahmood, 1990. "Penguasaan Bahasa Malaysia Baku di Kalangan Pelajar-pelajar", *Dewan Bahasa*, April 1990. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan, 1984. *Penerbitan Kata dalam Bahasa Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Asiah Abu Samah, 1977. "A Study of Sociological Factors Affecting Language Development of Primary School Children", *Tesis Sarjana*, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.
- Awang Sariyan, 1980. *Isu-isu bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Azman Wan Chik, 1982. "Mengajar Bahasa Malaysia Sebagai Bahasa Ibunda: Latar dan Skop", *Kertas Kerja*, Universiti Putra Malaysia: Jabatan Bahasa.
- Bloomfield, 1933. *Language*. London: George Allan and Unwin Ltd.
- Chomsky, N., 1968. *Language and Mind*. New York: Harcourt Brace and World.
- Corder. S. P., 1967. "The Significant of Learner's Error". *IRAL*. Vol. V/2-3, Julai 1967.
- Hamdan Abdul Rahman, 1980. "Pengajaran Tatabahasa : Hakikat yang Wujud di Sekolah-sekolah", *Dewan Bahasa*, Jld. 24, Bil. 6, hlm. 35-48.
- KPM, 1982. *Daftar Ejaan Rumi Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Koh Boh Boon, 1975. "A Study to Locate An Analysis Some Common Errors in the Use of Malay Affixes on Non-Malays Preparing for the Malaysian Certificate of Education Bahasa Malaysia Paper". *Jurnal Pendidikan*, Jld. 5, hlm. 31-33.
- Lim Keat Boey, 1975. "Teaching the Language". *Majalah Pendidikan*.
- Lutfi Abas, 1987. *Linguistik Deskriptif dan Nahu Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mangantar Simanjuntak, 1982. *Aspek Bahasa dan Pengajaran*. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise.
- Mohd Daud Yusof, 1989. "Penguasaan Bahasa Malaysia Baku di Kalangan Pelajar-Pelajar Tingkatan Dua (KBSM); Suatu Kajian Kes di Maktab Sultan Ismail, Kota Bharu, Kelantan". *Tesis Sarjana Pendidikan*, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Majid Konting dan Zaidatul Akmaliah Lope Pihie, 1987. "Hubungan Sikap Pelajar dengan Pencapaian Akademik dalam Mata Pelajaran Perdagangan di Sekolah-Sekolah Menengah di Malaysia". *Kertas Kerja Projek*, Fakulti Pengajian Pendidikan. Universiti Putra Malaysia, Serdang.

- Muhammad Salehudin Aman, 1993. "Analisis Kesalahan Tatabahasa BM di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama Atas", *Tesis Sarjana*.
- Nik Safiah Karim, 1988. *Bahasa Baku di Sekolah*, Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Noam Chomsky, 1965. *Aspect of the Theory of Syntax*. Cambridge, Mass: M. I. T. Press.
- Nor Aina Dani, 1993. "Pengaruh Bahasa Ibunda Dalam Proses Pemelajaran Bahasa Melayu Pelajar-Pelajar Dusun". *Tesis Master Sains*, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Omar Mohd Hashim, 1978. "Kemerosotan Bahasa Malaysia dalam Peperiksaan SPM 1977". *Dewan Bahasa*. Jld. 22, Bil. 7, hlm. 460-461.
- Pengiran Mahmud bin Pengiran Damit, 1992. "Kesalahan Tatabahasa dan Tanda Bacaan Pelajar-Pelajar Melayu Peringkat Sekolah Menengah Bawah Daerah Brunei/Muara dan Daerah Tutong: Satu Perbandingan". *Tesis Master Sains*, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Rahil Mahyuddin, 1991. "Kesan Peperiksaan ke atas Kerisauan dan Peramal-Peramal Pencapaian Akademik". *Tesis PhD*. : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Za'ba, 1965. *Pelita Bahasa Melayu 1*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.